

Penerokaan semula tidak serius

LANGKAWI 29 Mei - Penerokaan tanah secara haram di Cameron Highlands terutamanya di kawasan yang pernah dibersihkan dalam Ops Gading 1 dan 2 didapati berlaku dalam skala kecil melibatkan kira-kira empat kawasan sahaja.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, beliau juga diberi jaminan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bahawa penguatkuasaan yang dijalankan di kawasan tanah tinggi itu tidak pernah terhenti.

Bagaimanapun katanya, beliau mengakui, sikap peneroka haram yang tidak takut dihukum akibat denda terlalu rendah berbanding keuntungan diperoleh seperti dilaporkan *Utusan Malaysia* baru-baru ini menjadi antara punca kejadian itu berulang.

“Disebabkan itu, kita bersyukur apabila tiga undang-undang berkaitan tanah dalam Kanun Tanah Negara yang membenarkan menteri membuat peraturan bersama pihak pentadbir tanah negeri sudah pun diluluskan di Dewan Rakyat dan akan dibawa ke Dewan Negara.

“Saya yakin Dewan Negara juga



Sikap peneroka haram yang tidak takut dihukum akibat denda terlalu rendah berbanding keuntungan diperoleh seperti dilaporkan *Utusan Malaysia* baru-baru ini menjadi antara punca kejadian itu berulang.”

WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

akan meluluskannya dan selepas ini insya-Allah kita dapat melihat hukuman denda maksimum bagi sesetengah kes meningkat lima kali ganda dari RM100,000 ke RM500,000,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan tiga bot peronda catamaran baharu milik Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) di Resort World, Langkawi di sini hari ini.

Diminta mengulas mengenai kenyataan Ahli Parlimen Cameron Highlands, Datuk Seri G. Palanivel yang mendakwa pene-

rokaan itu didalangi individu berpengaruh, Wan Junaidi mendakwa beliau memerlukan bukti berhubung perkara itu.

“Saya baru menjadi menteri lapan bulan sedangkan beliau duduk di sini selama dua tahun. Dalam tempoh itu, apa yang beliau buat untuk mengatasi perkara tersebut?

“Kenapa buat kenyataan sebegitu sekarang? Kalau benar ada maklumat terperinci, tulis surat kepada saya siapa dalangnya agar kita boleh mengambil tindakan,” katanya.